



## LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

CALON-CALON ADALAH DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN SEPERTI BERIKUT :

<b>NAMA JAWATAN</b>	:	<b>PELATIH PENGURUSAN (<i>MANAGEMENT TRAINEE</i>)</b>
<b>KLASIFIKASI</b>	:	<b>PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	<b>PELATIH</b>
<b>ELAUN</b>	:	<b>RM2,000.00</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	:	<b>5</b>
<b>TEMPOH LATIHAN</b>	:	<b>2 TAHUN (1+1)</b>

### **KELAYAKAN LANTIKAN :**

1. Graduan berkelayakan bagi lantikan ini lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - a. warganegara Malaysia;
  - b. berumur tidak melebihi dari 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
  - c. (i) Ijazah Sarjana/Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan/antarabangsa atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang :
    - a) Pengurusan Ekonomi; atau
    - b) Pengurusan Ekonomi Perniagaan; atau
    - c) Ekonomi dan Pentadbiran; atau
    - d) Pengurusan Strategik; atau
    - e) Pengajian Strategi dan Hubungan Antarabangsa; atau
    - f) Kejuruteraan Perisian; atau
    - g) Sains Komputer; atau
    - h) Teknologi Maklumat.

- d. Kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- e. Program Ijazah diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).

**KELAYAKAN TAMBAHAN :**

- 1. Program ijazah diiktiraf oleh MQA;
- 2. Tidak di senarai hitam oleh PTPTN;
- 3. Tiada rekod JENAYAH;
- 4. Keutamaan Graduan Anak Jati Johor;
- 5. Keutamaan Graduan dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah;
- 6. Pengalaman kerja 0 hingga 2 tahun (termasuk pengalaman dalam tempoh *Internship*)
- 7. Keutamaan Graduan yang telah bekerja tetapi tidak setaraf dengan kelayakan dan kelulusan akademik;
- 8. Keutamaan Graduan yang menganggur;
- 9. Keutamaan Graduan yang ibu/ayah bekerja di dalam sektor Maritim/Pelabuhan;
- 10. **Keutamaan – Graduan Jurusan Ekonomi :**
  - (a) Kemahiran di dalam berfikiran anatikal dan pengkomputeran.
- 11. **Keutamaan – Graduan Jurusan Teknologi Maklumat :**
  - (a) Pengetahuan dalam bahasa pengaturcaraan (*programming*):  
*HTML5, CSS3, ASP.Net, C#, PHP, JavaSvript, jQuery & Bootstrap*;
  - (b) *Database : MS SQL, MYSQL, Informix or equivalent databse skills.*
  - (c) Keutamaan yang mempunyai pengetahuan/pengalaman dalam *NET.UI controls (DevExpress, Infragistics, Telerik)*;
  - (d) Pengetahuan dan pengalaman dan reka bentuk perkhidmatan web (*REST, SOAP, JSON*);

**KEMUDAHAN DAN FAEDAH :**

- 1. Elaun bulanan RM2,000.00 sebulan; dan
- 2. Kemudahan perubatan bagi diri sendiri sahaja;
- 3. Cuti Rehat 15 hari setahun; dan
- 4. Kelayakan tuntutan perjalanan rasmi mengikut kelayakan gred yang disandang.

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

1. Tugas dan Tanggung jawab – **Jurusan Ekonomi**
  - (i) Membantu LPJ dalam mempromosikan hasil penyelidikan melalui analisis dalam konteks keunikan pengurusan sistem digital operasi dan logistik pelabuhan bagi pelaksanaan cadangan pelaburan LPJ ke atas mana-mana syarikat
  - (ii) Penguatkuasaan dan pemantauan operasi pengendalian kargo di pelabuhan dan jeti persendirian mengikut kepada peraturan dan standard kecekapan rantai logistik pelabuhan;
  - (iii) Memproses, menganalisis dan mengemas kini data *e-Gateway LPJ*;
  
2. Tugas dan Tanggung jawab – **Jurusan Teknologi Maklumat**
  - (i) Pembangunan perisian dan bertanggungjawab untuk menganalisis, mereka bentuk, membangun, menyebarkan dan menguji pembangunan sistem;
  - (ii) Untuk membangunkan, meningkatkan dan mengubah suai reka bentuk sistem yang diperlukan bagi memudahkan penyediaan permohonan, laporan dan pertanyaan bagi aplikasi dalaman dan mengurus/menyelenggarakan dokumen/manual bagi pembangunan program, *coding*, ujian, perubahan dan pembetulan ke atas sistem dalaman.
  - (iii) Terlibat dalam proses kajian dan reka bentuk aplikasi bagi mengemas kini web, desktop dan teknologi mudah alih;

## **CARA MEMOHON**

1. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<http://www.lpj.gov.my>).

2. Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama :
- (a) Salinan Resume dan resume dalam bentuk video (tempoh penyiaran adalah 1.45 minit) dan perlu di muat turun di dalam cakera padat; dan
  - (b) Salinan pengesahan dari MQA untuk kelulusan akademik; dan
  - (c) Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran; dan
  - (d) Salinan transkrip; dan
  - (e) Salinan sijil-sijil berkaitan.

Semua permohonan hendaklah lengkap dengan **Salinan Sijil, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang disahkan**. Dilampirkan senarai semak untuk dikepilkan bersama borang permohonan.

Borang yang lengkap diisi dan dokumen terlibat hendaklah dihantar kepada :

**PENGURUS BESAR  
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR  
JALAN MAWAR MERAH 2,  
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG**

#### **MAKLUMAT TEMU DUGA**

Hanya calon graduan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.

Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui :- <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semak.php>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari dari tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.

**Tarikh tutup : 8 Ogos 2018**

---

**SENARAI SEMAK:**

1. Borang permohonan
2. Salinan resume dan resume (cakera padat)
3. Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran
4. Gambar berukuran pasport
5. Transkrip
6. Sijil dari MQA
7. Sijil-sijil berkaitan